

Umno terus usaha perpaduan dengan PAS
Malaysiakini.com
July 26, 2010

Usaha Umno untuk menjalinkan perpaduan bersama PAS tidak akan dihentikan meskipun mendapat tentangan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Ketua Penerangannya Datuk Ahmad Maslan berkata ini kerana Umno yakin masih terdapat kumpulan tertentu dalam PAS yang menyokong usaha berkenaan.

"Nik Abdul Aziz boleh cakap apa saja tapi dalam PAS itu ada juga kumpulan-kumpulan tertentu. Sebagaimana orang maklum, PAS ini bukannya semua berkisar pada Nik Abdul Aziz saja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Pengurus Felda 2010 di Dewan Perdana Felda, di Kuala Lumpur hari ini.

Ahmad (kiri) yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata PAS tidak bergantung kepada kepimpinan Nik Abdul Aziz semata-mata kerana masih ada pemimpin lain termasuk presiden, timbalan presiden dan jawatankuasa tertinggi parti.

"...tentunya mereka mempunyai pandangan tertentu yang saya kira mungkin menyokong cadangan kita," katanya ketika mengulas kenyataan Nik Abdul Aziz yang sekali lagi menolak cadangan tersebut.

Malah menteri besar Kelantan itu juga dilapor berkata sekiranya perlu kepada perbincangan hanya beliau sahaja akan mewakili PAS.

Ahmad berkata pemimpin utama Umno sentiasa positif mengenai tujuan usaha itu kerana mereka meletakkan kebajikan umat Islam sebagai keutamaan.

Beliau bagaimanapun bersetuju dengan kenyataan Nik Abdul Aziz bahawa tidak perlu orang tengah dan sebarang syarat sekiranya pertemuan tersebut diadakan

"Daripada segi perjumpaan memang saya kira tak perlu ada syarat dan tak perlu ada orang tengah. Kalau perjumpaan antara pucuk pimpinan itu tak perlu kepada keduanya. Nak bincang apa sekalipun terpulanglah," katanya.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/138385>